KONSEP HALAL DALAM AL-*QUR'AN* DAN AL-SUNNAH: PELAKSANAANNYA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh:
Sulaiman Ibrahim el-Barruhiy[1]
Arman Asmad[2]
Kamaru Salam Yusof[3]

ABSTRAK

Halal dan haram adalah antara perkara yang menjadi perhatian umat Islam. Konsep halal dan haram mencakupi banyak perkara seperti makanan, minuman, pakaian, perhiasan, perbuatan, percakapan, perkahwinan, perniagaan, urusan muamalat, kontrak, dan lain-lain perkara. Kertas ini cuba meninjau konsep halal tanpa membicarakan konsep haram dan hanya menumpukan kepada makanan dan minuman sahaja. Kertas akan membuat tinjauan kepada beberapa ayat al-Qur'an al-Karim dan juga hadith Nabi (s.a.w.) berkaitan halal untuk mendapatkan konsep asas kepada persoalan halal. Beberapa kupasan terhadap ayat dan hadith berkaitan halal diberikan secara ringkas untuk dijadikan landasan kepada pelaksanaan konsep tersebut. Perbicaraan selanjutnya ditumpukan kepada pelaksanaan konsep halal ini yang dilakukan oleh kerajaan Brunei Darussalam.

PENDAHULUAN

Islam telah datang membawa sistem kehidupan yang syumul merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Menerusi al-*Qur'an* al-Karim dan hadith Nabi, ulama membahaskan pelbagai bidang kehidupan manusia merangkumi bidang tauhid, ibadah, muamalah, politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan lain-lain. Seluruh bidang kehidupan umat Islam tunduk kepada pembahagian hukum-hakam syarak; wajib, sunat, harus, haram dan makruh. Pada sisi yang lain, kehidupan manusia juga tertakluk kepada hukum halal, haram, sah dan batal. Islam telah mengatur kehidupan manusia berasaskan kepada hukum-hakam yang wajib dipatuhi dan dilaksanakan dalam kehidupan mereka. Halal dan haram adalah sebahagian daripada hukum syarak yang sangat diberikan perhatian oleh ulama. Hukum halal dan haram dalam Islam merangkumi pelbagai perkara seperti hal-hal yang berkaitan makanan, minuman, pakaian, perhiasan, perbuatan, percakapan, perkahwinan, perniagaan, urusan muamalat, kontrak, dan lain-lain perkara. Maka, kertas ini hanya akan membicarakan secara ringkas konsep halal daripada aspek makanan dan minuman sahaja yang dikupas berdasarkan al-*Qur'an* al-Karim dan hadith Nabi *(s.a.w.)*. Sesungguhnya perbicaraan tentang halal dan haram dalam makanan dan minuman berserta pembahagiannya adalah perbicaraan yang panjang terutamanya dalam kitab-kitab fiqh. Kertas yang ringkas ini tidak mampu untuk mengupas perincian tersebut. Hanya yang cuba ditonjolkan dalam kertas ini ialah konsep umum pemakanan halal sahaja berserta sedikit paparan berkaitan usaha yang dilakukan oleh kerajaan Brunei Darussalam dalam memperkukuhkan pelaksanaan konsep pemakanan hukum halal. Antara usaha tersebut ialah pengeluaran sijil halal bagi memudahkan umat Islam membezakan antara makanan halal dan yang tidak halal atau yang diragukan status halalnya, pemeriksaan terhadap premis halal,

[1] (PhD), Timbalan Dekan Fakulti Usuluddin, Pensyarah Kanan, Universiti Islam Sharif Ali.
[2] (PhD), Dekan Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
[3] (PhD), Pensyarah Kanan Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

pemantauan terhadap pusat penyembelihan halal, memberikan kesedaran berterusan kepada umat Islam tentang konsep halal dan pelbagai usaha lain berkaitan konsep dan produk halal.

KONSEP HALAL DALAM AL-*QUR'AN*

Banyak ayat-ayat al-*Qur'an* yang menyentuh persoalan halal dalam kehidupan umat Islam. Sebilangan ayat menyentuh secara langsung dengan gesaan agar umat Islam memakan makanan yang diberikan sifat "*halal*" dan sifat "*taiyyiban*" iaitu yang baik, sementara sebilangan yang lain menyentuh tentang perihal nikmat yang dikurniakan oleh Allah *(s.w.t.)* yang terdiri daripada perkara-perkara yang baik yang disifatkan sebagai "*al-taiyyibat*" di mana makanan adalah sebahagian daripada perkara-perkara yang baik itu.

Sebilangan ayat al-*Qur'an* memerintahkan agar manusia umumnya dan umat Islam khususnya supaya memakan makanan yang diberikan sifat "*halal*" secara langsung atau nyata. Menariknya, sifat halal itu ditambah pula dengan sifat "*tayyiban*" yang bererti yang baik. Ada 4 ayat al-*Qur'an* yang memerintahkan manusia agar memakan makanan halal dan baik ini (حَلَٰلٗا طَيِّبٗا) iaitu firman Allah *(s.w.t.)*:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ كُلُواْ مِمَّا فِي ٱلۡأَرۡضِ حَلَٰلٗا طَيِّبٗا وَلَا تَتَّبِعُواْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيۡطَٰنِۚ
إِنَّهُۥ لَكُمۡ عَدُوّٞ مُّبِينٌ ١٦٨ ﴾

Surah al-Baqarah (2): 168

Maksudnya:
Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.

Firman Allah *(s.w.t.)* lagi:

﴿ وَكُلُواْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ حَلَٰلٗا طَيِّبٗاۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِيٓ أَنتُم بِهِۦ مُؤۡمِنُونَ
٨٨ ﴾

Surah al-Ma'idah (5): 88

Maksudnya:
Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kepadaNya sahaja kamu beriman.

Firman Allah *(s.w.t.)* lagi:

﴿ فَكُلُواْ مِمَّا غَنِمۡتُمۡ حَلَٰلٗا طَيِّبٗاۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٦٩ ﴾

Surah al-Anfaal (8): 69

Maksudnya:
Maka makanlah dari apa yang kamu telah dapat (yang kamu rampas dalam peperangan sebagai harta rampasan perang) itu, sebagai benda yang halal lagi baik, serta bertaqwalah kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Firman Allah *(s.w.t.)* lagi:

﴿ فَكُلُواْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ حَلَٰلٗا طَيِّبٗا وَٱشۡكُرُواْ نِعۡمَتَ ٱللَّهِ إِن كُنتُمۡ إِيَّاهُ تَعۡبُدُونَ ١١٤ ﴾

Surah al-Nahl (16): 114

Maksudnya:
Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembahNya semata-mata.

Sementara itu, ada 2 ayat lain yang menyebut lafaz halal tanpa diberikan sifat baik (surah *Yunus*: 59 dan surah *al-Nahl*: 116), namun ayat tersebut bukanlah dalam konteks memerintahkan manusia supaya memakan makanan halal, tetapi kedua-duanya dalam konteks menegur perbuatan manusia yang suka memberikan hukum halal haram sewenang-wenangnya terhadap rezeki yang dikurniakan oleh Allah *(s.w.t.)*, dengan tujuan untuk mendustakan dan bercakap palsu tentang hukum-hakam Allah.

Selain ayat-ayat yang memerintahkan manusia memakan makanan yang halal, ada juga ayat-ayat yang memerintahkan manusia supaya memakan rezeki yang dikurniakan Allah *(s.w.t.)* secara umum seperti ayat 60 surah *al-Baqarah* dan ayat 15 surah *al-Mulk*.

Sekelompok ayat al-*Qur’an* yang lain pula memerintahkan supaya manusia memakan makanan yang diberikan sifat “*al-tayyibaat*” tanpa disebut perkataan halal. Sementara itu, sekelompok ayat al-*Qur’an* yang lain pula menyentuh tentang perihal pengurniaan nikmat yang oleh Allah *(s.w.t.)* kepada manusia khususnya umat Islam yang terdiri daripada perkara-perkara yang baik “*al-tayyibaat*” di mana makanan adalah sebahagian daripada perkara-perkara yang baik itu. Ada hampir 20 ayat al-*Qur’an* yang menyentuh dari aspek ini, antara ayat-ayat tersebut ialah firman Allah *(s.w.t.)*:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ وَٱشْكُرُوا۟ لِلَّهِ إِن

كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴾

Surah al-Baqarah (2): 172

Maksudnya:
Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.

Firman Allah *(s.w.t.)* lagi:

﴿ وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنْ أَزْوَٰجِكُم بَنِينَ

وَحَفَدَةً وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ ۚ أَفَبِٱلْبَٰطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَتِ ٱللَّهِ هُمْ يَكْفُرُونَ



Surah al-Nahl (16): 72

Maksudnya:
Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu: anak-anak dan cucu-cicit, serta dikurniakan kepada kamu dari benda yang baik lagi halal; maka patutkah mereka (yang ingkar itu) percaya kepada perkara yang salah (penyembahan berhala), dan mereka kufur pula akan nikmat Allah?

Firman Allah *(s.w.t.)* lagi:

﴿ وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِىٓ ءَادَمَ وَحَمَلْنَٰهُمْ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ

وَفَضَّلْنَٰهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾ ﴾

Surah al-Israa' (17): 70

Maksudnya:
Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan

mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

Justeru, boleh dikategorikan secara umum bahawa al-*Qur’an* memerintahkan manusia memakan makanan berdasarkan dua ciri utama iaitu halal dan baik. Berdasarkan dua kelompok besar ayat tentang perintah makanan halal atau yang menggariskan konsep halal dalam al-*Qur’an* (tanpa menyentuh kelompok ayat-ayat yang menyentuh makanan yang haram), kertas ini cuba menghuraikan konsep halal dalam al-*Qur’an* al-Karim secara ringkas.

Berkaitan ayat 168 surah *al-Baqarah*, menurut Imam Ibn Kathir *(r.h.)*, Allah *(s.w.t.)* menghalalkan segala yang ada di muka bumi ini untuk dimakan selagi mana ia adalah halal dan baik, iaitu sesuatu yang boleh diterima oleh cita rasa manusia dan tidak memudaratkan badan atau akal. Sebaliknya, Allah *(s.w.t.)* melarang manusia daripada mengikut jejak langkah syaitan yang sentiasa menyuruh manusia berbuat kejahatan,[4] termasuk supaya mereka memakan makanan yang haram lagi memudaratkan seperti memakan babi dan meminum minuman yang haram dan memudaratkan seperti arak. Ini kerana syaitan hanya menyeru manusia melakukan perkara buruk dan keji serta mendustakan Allah (Surah *al-Baqarah*: ayat 169).

Ayat 168 surah *al-Baqarah* ini membayangkan betapa muka bumi ini dipenuhi dengan bahan halal yang harus dijadikan asas pemakanan yang sihat. Tidak ada alasan kukuh untuk manusia mendakwa kononnya mencari makanan halal adalah sesuatu yang sukar. Manusia hanya mencari makanan dan minuman yang haram kerana terpengaruh dengan godaan syaitan dan keinginan hawa nafsunya sahaja.

Makanan yang halal ialah: Makanan yang diizinkan oleh Allah *(s.w.t.)* untuk dimakan.[5]

Jika dalam ayat 168 surah *al-Baqarah*, gesaan supaya memakan makanan halal yang baik ditujukan kepada seluruh umat manusia, maka dalam ayat 172 surah *al-Baqarah*, Allah *(s.w.t.)* menggesa orang-orang Islam pula secara khusus supaya memakan makanan yang baik yang direzekikan kepada mereka sebagai bukti mereka benar-benar bersyukur dan sebagai bukti *‘ubudiyyah* kepada-Nya. Firman Allah *(s.w.t.)*:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ وَٱشْكُرُوا۟ لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴾

Surah al-Baqarah (2): 172

Maksudnya:
Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.

[4] Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, j. 1, h. 478.
[5] Tantawiy, Prof Dr Syed Muhammad, *Tafsir al-Wasit*, j.1, h. 341.

Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* memerintahkan manusia memakan makanan yang halal dan berkualiti iaitu yang *halalan tayyiban* (حَلَٰلًا طَيِّبًا) daripada rezeki yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta‘ala*. Ini bererti seruan memakan makanan halal bukan terhad kepada orang-orang Islam semata-mata, malah seluruh manusia diseru agar memakan makanan halal sebagai asas pemakanan dalam kehidupan mereka. Ini adalah kerana pemakanan halal mempunyai ciri antaranya ialah:

(1) Makanan yang lazat dari aspek rasa dan cita rasa.[6] Ini kerana Allah *(s.w.t.)* memerintahkan manusia memakan makanan yang bersifat halal dan baik.
(2) Makanan halal mempunyai ciri-ciri zahir yang utama iaitu kebersihan dan keselamatan makanan yang membawa kepada kesejahteraan kehidupan manusia dan tidak ditimpa penyakit.
(3) Makanan halal juga mempunyai ciri kesihatan, iaitu makanan yang berkhasiat dan selamat, bukan hanya makanan yang boleh mengenyangkan semata-mata, tetapi yang boleh membina kekuatan tubuhbadan.

Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* memerintahkan manusia memakan makanan yang halal dan berkualiti iaitu yang *halalan tayyiban* (حَلَٰلًا طَيِّبًا) daripada rezeki yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta‘ala*.

Sesungguhnya banyak makanan halal dan berkualiti yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* kepada manusia agar ia menjadi sumber makanan untuk dimakan dan dinikmati oleh mereka. Ada dua sudut yang harus difahami daripada perkataan *halalan tayyiban* (حَلَٰلًا طَيِّبًا) , iaitu makanan yang boleh dimakan dari sudut hukum syarak dan makanan yang lazat untuk dinikmati oleh selera manusia. Maka, dengan itu, manusia dibenarkan berkreatif dalam penyediaan makanan yang halal dan lazat serta berzat itu, termasuklah dengan pelbagai cara masakan yang menarik dan kaedah penyediaan terkini, seperti buah-buahan yang boleh dimakan segar atau boleh disediakan dalam bentuk jus atau minuman, dijadikan kuih muih, diperbuat jam atau jeruk buah-buahan, buah-buahan tin, buah-buahan kering atau yang disalai dan lain-lain. Demikian juga hasil tenusu yang boleh diminum segar atau dijadikan mentega dan keju. Demikian juga banyak hasil makanan boleh diproses menjadi makanan beku atau dan lain-lain yang bukan hanya memberikan manfaat kepada manusia dari aspek pemakanan, malah dari aspek ekonomi dan perniagaan pada skala yang besar. Ini kerana permintaan makanan halal yang sangat menggalakkan, bukan hanya daripada orang-orang Islam, malah daripada golongan bukan Islam yang menyedari tentang kebaikan konsep pemakanan halal yang dianjurkan oleh Islam.

Setelah menggesa orang Islam supaya memakan makanan yang halal, maka Allah *(s.w.t.)* menerangkan pula apakah jenis-jenis makanan yang haram. Ia dinyatakan dalam ayat berikutnya, iaitu ayat 173 surah *al-Baqarah*:

﴿ إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ ٱلْمَيْتَةَ وَٱلدَّمَ وَلَحْمَ ٱلْخِنزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ بِهِۦ لِغَيْرِ ٱللَّهِ ۖ
فَمَنِ ٱضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَآ إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٧٣﴾ ﴾

[6] Tantawiy, Syed Muhammad (Prof Dr). (1997). *Tafsir al-Wasit*, Kaherah: dar Nahdhah li al-Tiba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘. Jld.1. H. 349.

Surah al-Baqarah (2): 173

Maksudnya:
Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak atas nama Allah. Maka sesiapa yang terpaksa (memakan perkara haram tadi kerana darurat) sedang dia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah dia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Al-*Qur’an* telah menggesa manusia agar mengamalkan konsep menikmati nikmat halal secara sederhana dan saksama tanpa melampaui batas sama ada melampau batas dalam menghalang diri daripada menikmati perkara halal itu atau melampaui batas dalam mengambil perkara halal. Ini jelas apabila Allah *(s.w.t.)* tidak hanya menghalalkan umat Islam memakan benda-benda halal, malah melarang mereka daripada mengharamkan nikmat ke atas diri mereka sedangkan ia adalah halal di sisi Allah. Firman Allah *(s.w.t.)*:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُحَرِّمُواْ طَيِّبَٰتِ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكُمۡ وَلَا تَعۡتَدُوٓاْۚ إِنَّ
ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُعۡتَدِينَ ٨٧ وَكُلُواْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ حَلَٰلٗا طَيِّبٗاۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِيٓ
أَنتُم بِهِۦ مُؤۡمِنُونَ ٨٨ ﴾

Surah al-Baqarah (2): 87-88

Maksudnya:
Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas. (87)
Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kepadaNya sahaja kamu beriman. (88)

Dalam ayat-ayat tersebut, Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* melarang orang Islam daripada mengharamkan diri mereka mengambil manfaat daripada perkara-perkara baik yang dihalalkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* kepada mereka, seperti pakaian yang cantik, tempat tinggal yang indah, isteri yang rupawan dan kenderaan yang selesa, termasuklah juga makanan-makanan yang baik, lazat dan berzat atau berkhasiat tinggi. Islam bukanlah satu agama yang melarang umatnya daripada menikmati kehidupan di dunia yang penuh nikmat dan keindahan ini, kerana segala makhluk di muka bumi ini diciptakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* untuk dinikmati oleh hamba-hambaNya. Namun, dalam masa yang sama, mereka

juga dilarang daripada melampaui batas dalam pengambilan perkara-perkara yang dihalalkan itu sehingga ke tahap pembaziran atau memudaratkan kesihatan atau keselamatan diri sendiri atau masyarakat. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.

Kemudian, setelah melarang orang-orang Islam daripada mengharamkan perkara-perkara baik untuk dinikmati, maka dalam ayat 88 surah *al-Ma'idah* ini, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan pula secara khusus agar mereka memakan makanan yang halal dan berkualiti iaitu yang *halalan tayyiban* (حَلَٰلًا طَيِّبًا) daripada rezeki yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

KONSEP HALAL DALAM Al-SUNNAH

Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* diutus ke dunia untuk menunaikan tanggungjawab menyampaikan dan menjelaskan ajaran Islam. Oleh itu, sudah semestinya apa yang disampaikan oleh baginda itu wajib ditaati dan diikuti oleh mereka yang beriman. Allah *subhanahu wa ta'ala* berfirman:

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِي ٱلۡأَمۡرِ مِنكُمۡۖ﴾

Surah al-Nisa' (4): 59

Maksudnya:
Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu."

Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* telah menjalankan tugasnya dengan sungguh sempurna meliputi segala keperluan umatnya dalam mencapai kejayaan di dunia dan juga di akhirat. Antara perkara penting dan sangat diberi perhatian oleh Rasulullah ialah berkenaan dengan perkara halal haram dalam permakanan, pakaian, pergaulan dan sebagainya. Rasulullah telah menegaskan bahawa mengharamkan (menjauhi) yang haram dan menghalalkan (melakukan) yang halal itu merupakan salah satu sebab untuk masuk syurga.

Jabir bin 'Abdullah berkata bahawa al-Nu'man bin Qawqal berjumpa Nabi *(s.a.w.)* lalu berkata;

« يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرَأَيْتَ إِذَا صَلَّيْتُ الْمَكْتُوبَةَ، وَحَرَّمْتُ الْحَرَام، وَأَحْلَلْتُ الْحَلَالَ، أَأَدْخُلُ الْجَنَّة ؟ فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: نَعَمْ»

Mafhumnya:
"Wahai Rasulullah, jika aku menunaikan solat fardhu dan mengharamkan yang haram serta menghalalkan yang halal, adakah aku masuk syurga? Rasulullah bersabda: "Ya".[7]

Memandangkan kepentingan halal haram dalam Islam, Rasulullah sentiasa menggalakkan umatnya untuk mencari dan memastikan halal haram dalam kehidupan seharian mereka. Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radiallahu 'anhu*:

« أيها الناس إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ، وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ ، فَقَالَ : ﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلرُّسُلُ كُلُواْ مِنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَٱعۡمَلُواْ صَٰلِحًاۖ إِنِّي بِمَا تَعۡمَلُونَ عَلِيمٞ ﴾ [سورة المؤمنون 23: 51] ، وَقَالَ : ﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُلُواْ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقۡنَٰكُمۡ ﴾ [البقرة 2: 172] ، ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ ، يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبِّ يَا رَبِّ ، وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ ».

([8])

Mafhumnya:
Wahai manusia, sesungguhnya Allah itu baik dan Dia tidak menerima kecuali yang baik. Sesungguhnya Allah memerintahkan kepada orang-orang mukmin sejajar dengan apa yang diperintahkan kepada para rasul. Allah befirman: "Wahai rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha mengetahui akan apa yang kamu kerjakan". [Al-Mu'minun 23: 51]. dan "Wahai orang-orang yang beriman! makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu." [Al-Baqarah 2: 172]. Kemudian Rasulullah menyebut tentang seorang lelaki yang menempuh perjalanan yang panjang sehingga berada dalam keadaan lusuh dan berdebu. Lelaki itu menadah tangannya ke langit dan berkata "ya Tuhan, ya Tuhan" sedangkan makanannya adalah haram, minumannya haram, pakaiannya

---

[7] Muslim. (2006). *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar Tibah. *Kitab al-Iman. Bab Bayan al-Iman Allazi Yadkhul bihi al-Jannah*. j.1. h. 27. 15.

[8] Muslim. (2006). *Sahih Muslim. Kitab al-Zakah. Bab Qabul al-Sadaqh min al-Kasb al-Tayyib*. j. 1.h. 450. 1015.

haram dan diberi makan yang haram. Bagaimanakah akan dimustajabkan doanya?

Dalam hadith ini, Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* menegaskan bahawa segala amal perbuatan ternasuk doa tidak akan diterima kecuali dengan memakan dan menggunakan yang halal.

Kepentingan memelihara kehalalan sesuatau perkara itu amat jelas sehinggakan perbuatan mulia seperti bersedekah tidak akan diterima jika yang disedekahkan itu berasal daripada yang haram. Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

« لَا تُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طُهُورٍ وَلَا صَدَقَةٌ مِنْ غُلُولٍ »

Mafhumnya:
"Tidak diterima solat tanpa wudhu' dan tidak diterima sedekah hasil daripada ghulul."[9]

Hadith ini mengisyaratkan secara tidak langsung kepentingan menjauhi yang haram termasuk apa jua bentuk harta (bukan makanan dan minuman sahaja) demi menjamin penerimaan segala amal perbuatan.

Konsep halal haram yang diajarkan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* sangat menyeluruh, dalam erti kata lain tidak terbatas kepada halal dan haramnya sesuatu benda itu bahkan merangkumi punca dari mana sesuatu itu didapati. Justeru, Rasulullah mengingatkan umatnya agar sentiasa berusaha mencari rezeki yang halal dan meninggalkan rezeki yang haram. Baginda *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

« أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ وَأَجْمِلُوا فِي الطَّلَبِ، فَإِنَّ نَفْسًا لَنْ تَمُوتَ حَتَّى تَسْتَوْفِيَ رِزْقَهَا وَإِنْ أَبْطَأَ عَنْهَا، فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَجْمِلُوا فِي الطَّلَبِ، خُذُوا مَا حَلَّ وَدَعُوا مَا حَرُمَ »

Mafhumnya:
"Wahai manusia, bertakwalah kamu kepada Allah dan perelokkanlah dalam mencari (rezeki). Sesungguhnya seseorang tidak akan mati sehingga ia menyelesaikan rezeki walaupun ia dilewatkan daripadanya. Oleh itu, itu bertakwalah kamu kepada Allah dan baik-baiklah dalam berusaha mencari (rezeki), hendaklah kamu ambil apa yang halal dan tinggalkan yang haram."[10]

Keprihatinan Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* terhadap halal haram sangat jelas kerana banyak hadith-hadith yang telah diriwayatkan tentang pengharaman urusan perniagaan

[9] Muslim. (2006). *Sahih Muslim. Kitab al-Taharah. Bab Fadhl al-wudhu'* j.1. h. 121. 224.
Ghulul: mengambil harta rampasan perang secara sembunyi sebelum dibahagikan.

[10] Ibn Majah. *Sunan Ibn Majah*. (t.t.) . Riyadh: Bait al-Afkar al-Dawliyyah. *Kitab al-Tijarat. Bab al-Iqtisad fi Talab al- Ma'eshah*. h. 232. 2144.

sebagaimana yang disebutkan oleh al-*Qur'an* seperti pengharaman riba, pengharaman arak dan apa jua yang berkaitan dengannya dan sebagainya sesuai dengan tugas Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* yang bukan sahaja memperjelaskan al-Qur'an al-Karim bahkan juga mengukuh dan menguatkannnya.

Di samping itu, banyak juga hadith-hadith Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* yang menjelaskan tentang halal haram beberapa kategori makanan dan juga pakaian sama ada disebutkan oleh al-Qur'an ataupun tidak seperti halalnya bangkai hidupan laut seperti ikan dan sebagainya:

Raslullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda ketika ditanya tentang berwudhu dengan air laut:

« هُوَ الطَّهُورُ مَاؤُهُ الْحِلُّ مَيْتَتُهُ »

Mafhumnya:
"Ia (air laut) suci airnya dan halal bangkainya."[11]

Selain menegaskan yang halal, baginda juga menjelaskan perkara yang haram dimakan sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Tha'labah:

« أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ نَهَى عَنْ أَكْلِ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ السِّبَاعِ »

Mafhumnya:
Sesungguhnya Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam melarang daripada memakan binatang yang memiliki taring.[12]

Selain itu Rasulullah juga menjelaskan tentang pakaian yang haram dipakai oleh lelaki seperti sutera dan emas sebagaimana yang diriwayatkan daripada 'Ali ibn Abi Talib:

« إِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ ﷺ أَخَذَ حَرِيرًا فَجَعَلَهُ فِي يَمِينِهِ ، وَأَخَذَ ذَهَبًا ، فَجَعَلَهُ فِي شِمَالِهِ ، ثُمَّ قَالَ : إِنَّ هَذَيْنِ حَرَامٌ عَلَى ذُكُورِ أُمَّتِي »

Mafhumnya:
"Sesungguhnya Nabi Allah telah mengambil sutera dan memegangnya dengan tangan kanannya, dan baginda mengambil emas dan memegangnya dengan tangan kirinya lalu berkata: Sesungguhnya dua benda ini haram ke atas lelaki umatku."[13]

---

[11] Al-Tirmizi. Muhammad ibn Isa. *Sunan al-Tirmizi*. (t.t.). Riyadh: Bait al-Afkar al-Dawliyah. *Abwab al-Taharah. Bab Ma Ja'a fi Ma' al-Bahr Annahu Tahur*. hlm 30. 69.

[12] Al-Bukhari.Muhammad ibn Ismail. (1998). *Sahih al-Bukhari*. *Kitab al-Zaba'ih wa al-Said. Bab Akl Kulli Zi Nab Min al-Siba'*. h. 1090. 5530.

[13] Abu Daud. Sulaiman ibn al-Ash'ats. (t.t). *Sunan Abi Daud*. Riyadh: Bait al-Afkar al-Dauliyah. *Kitab al-Libas. Bab fi al-Harir li al-Nisa'*. h. 444. 4057.

Perlu diketahui bahawa Allah subhanahu wa ta‘ala dan juga Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* telah menjelaskan konsep halal haram ini dalam al-Qur'an al-Karim dan juga hadith-hadith Rasulullah. Dalam hal ini Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* menegaskan:

« الْحَلَالُ بَيِّنٌ وَالْحَرَامُ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنِ اتَّقَى الْمُشَبَّهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ كَرَاعٍ يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَهُ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى، أَلَا إِنَّ حِمَى اللَّهِ فِي أَرْضِهِ مَحَارِمُهُ... الحديث »

Maksudnya:
Yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas dan di antara keduanya ada perkara-perkara syubhah yan tidak diketahui oleh ramai orang. Oleh itu sesiapa yang meninggalkannya (syubhah) maka dia telah membersihkan agamanya dan kehormatannya. Manakala sesiapa yang terjerumus ke dalamnya seperti penggembala yang menggembala ternakannya di sekitar "al-hima" (tempat khusus untuk para raja menggembala ternakannya dan tidak boleh dimasuki oleh ternakan orang lain) maka ia hampir terjerumus ke dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja itu memiliki "hima" dan sesungguhnya "hima' Allah di buminya ialah larangan-larangannya.[14]

Hadith tersebut di atas merupakan konsep halal haram utama yang perlu diberi perhatian oleh umat Islam terutamanya pada era globalisasi ini. Percampuran budaya tanpa sempadan yang dibawa oleh arus globalisasi ini membawa bersamanya pelbagai kesamaran dan syubhat terutama sekali yang berkaitan dengan halal haram permakanan, minuman, urusniaga dan sebagainya. Oleh itu, konsep yang dibawakan hadith ini sangat berkaitan dengan ketakwaan di mana orang yang benar-benar bertakwa akan sentiasa menjaga dirinya dan sentiasa berusaha menghindari dirinya daripada terjerumus ke dalam perkara haram.

PELAKSANAAN KONSEP HALAL DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sama ada penggunaan sendiri atau sebagai barangan untuk pasaran dan perniagaan, halal adalah adalah suatu yang penting bagi seorang muslim. Konsep halal sebagaimana yang tercatat di dalam al-*Qur'an* dan al-Hadis di atas adalah masih kuat dipegang oleh penduduk muslim di Negara Brunei Darussalam. Walaupun penduduk Brunei adalah kecil jika dibandingkan dengan negara-negara Islam yang lain, namun peratusan muslim yang tinggi dan keprihatinan yang tinggi terhadap halal haram adalah suatu yang amat menggembirakan.

Brunei mempunyai hampir 74% penduduk Muslim. Pihak pemerintah yang amat prihatin terhadap halal haram ini menambah kekukuhan pelaksanaan konsep ini. Kefahaman penduduk bukan Muslim terhadap konsep ini juga amat membantu. Bersama-sana dengan kewujudan lebih dari 1.6 Muslim di dunia dan kemudahan telekomunikasi serta pengangkutan yang baik, maka Brunei lebih terserlah dan dikenali atau mengenali umat Islam yang lain. Ini

[14] Al-Bukhari. (1998). *Sahih al-Bukhari*. *Kitab al-Iman. Bab Fadhl Man Istabra'a Li Dinih*. h. 34. 52.

semua memudahkan proses pengenalan dan pelaksanaan konsep halal di dalam kehidupan mereka. Ini ditambah dengan kepercayaan dan keyakinan yang tinggi daripada masyarakat terhadap institusi agama yang ada.

Pasaran halal dunia yang meningkat mendadak di akhir-akhir ini menunjukkan suatu petunjuk baru. Pasaran halal dijangkakan mencapai US$547 bilion setahun. Industri makanan halal sahaja pula telah mempunyai pasaran US347 billion setahun di seluruh dunia.

Ianya suatu yang membanggakan walaupun belum sepenuhnya mencapai 100% penggunaan halal di kalangan Muslim di seluruh dunia. Begitu juga penghasilan makanan halal tidaklah sepenuhnya dihasilkan oleh negara-negara Islam sendiri. Produk daging dan hasil tenusu halal dunia sebagai contohnya masih lagi didominasi oleh Australia dan New Zealand. Tetapi hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kesedaran terhadap halal telah meningkat dari semasa ke semasa. Kesan daripada perkara ini telah menjadikan New Zealand mengubah 95% dari hasil dagingnya adalah menjadi produk halal.[15] Di kawasan Asia Tenggara dan Asia Timur sahaja, penduduk muslim yang boleh dianggap sebagai pasaran utama makanan dan produk halal di Brunei, Indonesia, India, Pakistan, China, Singapore, Thailand dan lain-lain ialah USD1 billion.

Walaupun halal bukanlah hanya tertumpu kepada makanan dan minuman, tetapi kertas ini hanya memberikan fokus kepada kedua aspek tersebut memandangkan ianya adalah suatu yang berkait dengan semua pengguna dan ianya akan menjadi darah daging yang kekal. Mungkin itulah hikmahnya Allah menjadikan sebutan 'makan' dan 'minum' sebagai sebutan biasa di dalam al-*Qur'an* ketika menyebutkan halal dan haram. Ruang halal dan haram yang lebih luas boleh dijadikan kajian di dalam kertas-kertas yang lain sama ada dalam aspek seni dan persembahan, alat kosmetik, pembungkusan, peralatan, lojistik, perubatan, fesyen, kewangan, perbankan, pelancongan dan lain-lain.

SEJARAH PELAKSANAAN HALAL DI BRUNEI

Sebagai sebuah negara yang mula mengorak langkah ke arah melaksanakan Islam secara total dan merangkumi semua aspek kehidupan, Negara Brunei Darussalam telah banyak melaksanakan apa yang dituntut oleh Islam.

Tindakan berani yang diambil oleh KDYMM Paduka Seri Sultan untuk mengisytiharkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir adalah menjadi petanda kepada unjuran pelaksanaan ini.

Pelaksanaan Islam merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Dari sosial, pendidikan, perundangan, ekonomi, sistem pentadbiran dan lain-lain aspek telah mula diterapi di dalam usaha melaksanakan dan merealisasikan Brunei sebagai sebuah Negara Zikir. Pelaksanaan konsep halal dalam makanan adalah antara sudut yang diambil berat di dalam realisasi ini.

Perhatian al-*Qur'an* dan hadith terhadap makan dan minum halal yang dihuraikan sebelum ini sudah lama termaktub dan sentiasa dibaca dan diamalkan oleh muslim sejak permulaan Islam lagi. Ianya telah diamalkan oleh individu-individu muslim sejak awal lagi dan tidak pernah dipandang ringan oleh mereka. Kedatangan penjajahan barat ke negara-negara Islam dan situasi umat di suatu ketika dulu telah menjadikan pelaksanaan ini terbantut pada tahap pentadbiran dan negara. Tetapi, setelah kemerdekaan dicapai pada tahun 1983,

[15] http://www.daganghalal.com/halalinfo.

kebanyakan dari perundangan dan operasi kepastian agar konsep halal ini dipatuhi telah diperketat dan dilaksanakan dengan lebih kemas.

SEJARAH PENUBUHAN BAHAGIAN KAWALAN MAKANAN HALAL NEGARA BRUNEI DARUSSALAM :[16]

Pada awalnya, konsep halal banyak diserahkan kepada individu untuk membuat penilaian sendiri. Ini adalah kerana kesedaran terhadap halal haram adalah kewajiban yang sepatutnya dilaksanakan oleh setiap orang kerana ianya telah termaktub di dalam al-*Qur'an* dan hadith.

Tetapi secara rasminya, pengawalan konsep halal ini banyak dilakukan apabila Negara Brunei Darussalam mula mencapai kemerdekaan. Titik mula penubuhan Jawatankuasa Ad-Hoc ialah selepas bertitahnya KDYMM pada 15hb Julai 1997M. Oleh yang demikian, maka pada 13hb Oktober 1997 satu badan telah ditubuhkan, iaitu Badan Pengeluar Permit Import Daging Halal Negara Brunei Darussalam. Pada 26hb September 1998M pula, satu lembaga telah ditubuhkan iaitu Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal dan Jawatankuasa Pemeriksa Pusat Penyembelihan.

Seterusnya pada11hb Januari 2000M Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal Telah ditempatkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah, berdasarkan surat Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Bil: SCRWO/23/59 bertarikh 20hb Syawal 1420H bersamaan 27hb Januari 2000M. Dengan itu pada 22hb Januari 2001M nama Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal telah ditukarkan menjadi Bahagian Halal Haram Jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei. Pada 13hb Julai 2006M, sekali lagi nama Bahagian Halal Haram Jabatan Hal Ehwal Syariah telah bertukar menjadi Bahagian Kawalan Makanan Halal Jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam sehingga sekarang.

BENTUK PELAKSANAAN HALAL DI BRUNEI

Brunei sebagai salah sebuah negara Islam yang unggul di kawasan Asia Tenggara telah melaksanakan peraturan yang ketat dalam pelaksanaan konsep halal ini. Semua produk makanan yang dijual di dalam negara Brunei Darussalam ini hendaklah disahkan halal sebelum ianya memasuki pasaran Islam. Mana-mana makanan yang tidak halal tidak boleh dijual sewenang-wenangnya kecuali mestilah ditempat yang dikhaskan sahaja. Begitu juga kedai-kedai dan lokasi tempat penjualan yang tidak halal mesti ditandakan dengan terang.

Kerajaan Brunei Darussalam telah memperkenalkan arahan melalui peraturan tahun 1998 yang menetapkan bahawa semua makanan yang diedarkan hendaklah mematuhi peraturan ini.

Daging dan hasil daging pula perlu memenuhi ciri lain yang lebih ketat. Negara-negara MABIMS telah mengeluarkan buku panduan pengguna Muslim bagi memenuhi konsep ini. Tapi tambahan daripada itu, Brunei Darussalam juga telah menetapkan bahawa semua pusat

[16] *http://www.religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=bm_about_div&pg=bm_div_heubelait&ac=937*

penyembelihan di luar negara mestilah dilawati, diperiksa dan disaksikan oleh pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Agama.

BADAN-BADAN TERLIBAT

Bagi melaksanakan konsep ini, beberapa badan telah memainkan peranan dan bertindak bagi memastikan ianya berjalan dan dipatuhi. Antara badan dan institusi yang terlibat dalam pelaksanaan ini ialah:

1. Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Agama
2. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
3. Kementerian Kesihatan

Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah adalah badan yang paling banyak terlibat dengan pelaksanaan konsep halal ini. Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) ditubuhkan berdasarkan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam bersempena ulang tahun keputeraan Baginda kali ke 55 tahun pada 15hb. Julai, 2001.[17] Demi menyahut titah Baginda itu maka, Perintah Sijil Halal dan Label Halal telah digubal dan telah diwartakan pada tahun 2005 Dengan penggubalan Perintah tersebut BKMH adalah diamanahkan dan dipertanggungjawabkan bagi mengawal dan menangani segala permakanan halal di negara ini termasuk restoran, kedai makan, kilang produk makanan, tempat perniagaan dan yang seumpama dengannya, sama ada dalam negeri mahupun dari luar negeri yang berhasrat menggunakan Tanda Halal Negara Brunei Darussalam.

Matlamat: Menjadi sebuah organisasi berwibawa yang mengawal permakanan halal di negara ini.

Fungsi: Meningkatkan kesedaran orang ramai tentang makanan halal di negara ini.

Kementerian-kementerian lain banyak membantu bahagian kawalan ini secara langsung atau tidak langsung. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Dalam Negeri banyak membantu bahagian kawalan untuk pelaksanaan konsep ini.

CARA PELAKSANAAN SIJIL HALAL DI BRUNEI

Semua barangan makanan yang hendak dijual di dalam Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai tanda halal yang sah dan dikeluarkan oleh Bahagian Kawalan Halal. Ianya perlu diperolehi dari bahagian tersebut. Begitu juga dengan kedai-kedai jualan makanan.

Cara perolehan sijil-sijil ini boleh di rujuk di dalam lampiran di hujung kertas ini (lihat lampiran 1).

PRODUK HALAL SEBAGAI SATU PERNIAGAAN DI BRUNEI

Suatu yang menjadi nadi kepada kesedaran penggunaan makanan dan minuman halal ialah kewujudan dan kesediaanya di pasaran. Ini menjadikan perniagaan dalam segala bentuk hiliran dan hulunya satu perkara yang perlu dalam melaksanakan konsep penggunaan halal. Tidak

[17] http://www.religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=bm_about_div&pg=bm_div_syariah&ac=1619

ada gunanya jika konsep halal diterima oleh masyarakat tetapi masyarakat tidak mempunyai barangan halal untuk digunakan.

Bagi melaksanakan tujuan ini, kerajaan Brunei Darussalam melalui Kementerian Industri dan Sumber-sumber utama dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Brunei dan Kementerian Kesihatan telah mengambil inisiatif melancarkan projek Brand Halal Brunei.

Brunei Wafirah Holdings Sdn Bhd pula telah ditubuhkan bagi melaksanakan projek ini dengan Syarikat Perniagaan Malar Setia di Lambak Kanan sebagai pengedar utama di dalam Negara Brunei Darussalam.

Sekarang, barangan Halal Brunei boleh didapati bukan hanya di kebanyakan pasaraya di dalam Negara Brunei Darussalam sahaja, bahkan ia boleh diperolehi dengan mudah di kebanyakan supermarket, pejabat pos, stesen petrol, kedai runcit dan lain-lain kedai barangan muslim di seluruh United Kingdom dan Singapore.[18]

Pada masa hadapan, barangan Halal Brunei akan meneroka lebih banyak barangan dan akan bekerjasama dengan lebih erat untuk memasarkan barangan yang dikeluarkan oleh syarikat kecil dan sederhana.

CABARAN DAN MASA DEPAN PELAKSANAAN

Memandangkan peningkatan kesedaran dunia terhadap makanan dan produk halal, ianya adalah suatu yang baik. Ia menjadi petanda diperingkat dunia bahawa kesedaran terhadap halal atau tidaknya sesuatu produk terutamanya makanan adalah meningkat. Tetapi adakah keadaan ini akan berterusan atau akan meningkat? Bagaimana keadaan di Negara Brunei Darussalam?

Ini adalah antara cabaran yang banyak bergantung kepada kesedaran individu dan usaha dakwah di dalam masyarakat Islam khususnya.

Secara ringkasnya masa depan dan cabaran konsep halal di dalam Negara Brunei ini boleh di ringkaskan sebagai berikut:

1. Mengekalkan kesedaran masyarakat terhadap keperluan makanan dan minuman halal dalam kehidupan mereka.
2. Meluaskan kefahaman masyarakat terhadap keperluan halal bukan sahaja di dalam makanan dan minuman sahaja, tetapi merangkumi aspek lain seperti alat gunaan kosmetik, pakaian, ubatan, hiburan dan lain-lain.
3. Mempunyai institusi yang memantau pelaksanaan yang lebih luas terhadap produk halal yang dipasarkan di dalam masyarakat.
4. Mempunyai undang-undang yang ketat dan sistem penguatkuasaan yang teratur untuk memastikan ketiadaan pelanggaran dan memudah-mudahkan dalam isu halal haram.
5. Mempunyai institusi atau syarikat yang kukuh untuk mengedarkan jenama barangan yang halal secara lebih meluas, besar dan terancang.
6. Meluaskan produk barangan halal supaya masyarakat dapat mempunyai sumber yang cukup untuk memudahkan perolehan barangan halal dalam kehidupan mereka.
7. Meluaskan kefahaman anggota masyarakat terhadap memahami 'isi kandung atau *ingredient*' di dalam suatu makanan atau minuman. Ini untuk menjadikan ahli masyarakat sensitif dengan makanan halal haram terutama ketika mereka berada di luar negara yang tidak mempunyai barangan atau cop halal.

[18] http://www.brunei-halal.com/

PENUTUP

Konsep halal yang diutarakan di sini adalah sebahagian dari usaha betapa perlunya gabungan antara konsep yang dijelaskan di dalam al-*Qur’an* dan hadith dijelmakan di dalam kehidupan. Tidak ada ertinya jika konsep yang hebat termaktub di dalam al-*Qur’an* dan hadith tetapi tidak diaplikasikan di dalam kehidupan masyarakat. Perkara ini perlu diperluaskan di dalam pelbagai aspek dan konsep lain yang diharapkan akan dapat memperlihatkan kepada dunia bahawa Islam sebenarnya adalah *al-din* yang boleh dilaksanakan di dalam pelbagai tempat, gaya hidup, masa dan zaman.

LAMPIRAN 1

CONTOH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KAWALAN MAKANAN BRUNEI

TUGAS DAN TANGGUNG JAWAB BAHAGIAN KAWALAN MAKANAN HALAL DAERAH BELAIT:

Menjalankan tugas pemeriksaan secara berkala di pos kawalan masuk ke Negara Brunei Darussalam iaitu Pos Kawalan Sungai Tujoh.

- Melakukan pemeriksaan dan memproses pengesahan penyembelihan dan ujian lisan kepada pemohon sijil penyembelihan bagi Daerah Belait.
- Melakukan pemeriksaan mengejut ke atas pusat-pusat penyembelihan yang terdapat di Daerah Belait.
- Melakukan pemeriksaan dan memproses bagi mendapatkan Lesen Membekal dan Tanda Majlis Ugama Islam Brunei bagi Daerah Belait.
- Membuat laporan pemeriksaan dan operasi untuk dipanjangkan kepada Pengarah Hal Ehwal Syariah.
- Melakukan pemeriksaan ke pasar-pasar, restoran-restoran, kedai-kedai, penjaja-penjaja kaki lima, gerai-gerai bermusim, pasar raya-pasar raya yang menjual daging/ayam bagi kawasan Daerah Belait.
- Menjalankan kuatkuasa undang-undang Akta Daging Halal Penggal 183 dan aturan-aturannya.
- Melakukan operasi mencegah penyeludupan bersama-sama Agensi Kerajaan yang berkenaan dengan Akta Daging Halal Penggal 183 dan aturan-aturannya.
- Membuat penghapusan terhadap barang-barang rampasan setelah mendapat kebenaran dari Pejabat Pusat BKMH.
- Menerima aduan orang ramai.
- Menerima arahan dari masa ke semasa

Prosedur Memohon Sijil Penyembelihan (SP)

Mana-mana orang yang berhasrat mendapatkan Sijil Penyembelihan untuk membekal daging halal, hendaklah memohon kepada BKMH dengan mengisikan borang mengenai keterangan diri penyembelih dan pemohon dengan menyertakan salinan:

1. Salinan Kad Pengenalan pemohon dan penyembelih.
2. Salinan Sijil Perniagaan dan Salinan Lesen Rampaian (jika ada)
3. Salinan Surat Pengesahan Penyembelihan (jika ada)
4. Salinan Sijil Penyembelihan.
5. Senarai tempat membekal.

Borang

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Kementerian Kesihatan terlebih dahulu bagi mendapatkan kelulusan rumah sembelihan. Setelah diluluskan, borang berkenaan hendaklah dibawa oleh pemohon ke BKMH bagi temujanji mengadakan Ujian Lisan (bagi permohonan penyembelihan yang baru) dan Ujian Praktikal.

Ujian Lisan

Setelah menerima permohonan pegawai-pegawai Lembaga akan menghubungi pemohon dan penyembelih bagi menetapkan tarikh untuk mengadakan Ujian Lisan berhubung dengan tatacara penyembelihan.

Ujian Lisan akan diadakan di Jabatan Hal Ehwal Syariah bagi pemohon dari Daerah Brunei dan Muara sementara pemohon dari Daerah Belait, Tutong dan Temburong akan diadakan di Jabatan Hal Ehwal Ugama masing-masing.

Ujian Praktikal Penyembelihan

- Setelah lulus ujian lisan, pegawai BKMH akan menetapkan tarikh Ujian Praktikal penyembelihan. Ujian akan dilakukan di rumah sembelihan yang telah diluluskan.
- Pegawai-pegawai BKMH semasa mengadakan Ujian Praktikal ini akan mempastikan perkara-perkara berikut;
  - Mempastikan binatang yang akan disembelih itu masih hidup dalam keadaan biasa (*hayat mustaqirrah*) ketika disembelih.
  - Mempastikan *Hulqum* dan *Mari'* binatang itu terputus.
  - Mempastikan alat yang dipakai dari jenis yang tajam dan bukan diperbuat daripada tulang, kuku dan gigi.
  - Mempastikan penyembelih melafazkan bacaan *"basmalah"* semasa menyembelih binatang.
  - Mempastikan penyembelih melakukan sembelihan dengan sekali sahaja. Alat yang digunakan mestilah tidak terangkat daripada leher binatang sehingga selesai proses penyembelihan.
  - Mempastikan penyembelihan ayam tidak menggunakan "*water stunner*" atau seumpamanya.
  - Jika cara *stunning* digunakan (binatang berkaki empat sahaja), tata cara berikut mestilah dipatuhi:
    - *Stunning* itu akan mengakibatkan binatang itu pengsan untuk sementara waktu sahaja.
    - Alat *stunner* adalah daripada jenis yang tidak menembusi atau memecahkan kepala binatang tersebut.
    - Alat *stunner* itu mestilah tidak mengakibatkan kerosakan otak kekal atau mengakibatkan kematian atau kecacatan badan binatang.

Laporan Pegawai

Pegawai-pegawai BKMH akan membuat laporan secara bertulis kepada Pengarah Hal Ehwal Syariah mengenai Ujian Lisan dan Praktikal yang telah dijalankan dan sokongan untuk diberikan Sijil Penyembelihan.

Bayaran

Sijil penyembelihan: $10
Tempat Membayar : Majlis Ugama Islam. Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Waktu Pembayaran:
Isnin hingga Khamis:
Jam 8.00pagihingga 11.30pagi
Jam 1.30 hingga 2.30 ptg.
Sabtu:
Jam 8.00 hingga10.30 pagi.

Pengeluaran Sijil Penyembelihan

Pemohon Hendaklah menyertakan:
-Reset Bayaran Asal
-Dua keping Gambar Berukuran Pasport.
-Sijil Penyembelihan hendaklah diperbaharui sebulan sebelum mansuh.

Lesen Membekal, Sijil dan Logo Halal

Syarikat yang telah memiliki Sijil Penyembelihan dimestikan mohon Lesen Membekal, Sijil Halal dan Logo Halal kepada (BKMH).

Bahagian kawalan Makanan Halal
Jabatan Hal Ehwal Syar'iah
Tkt 2, Jalan Elizabeth II
Kementerian Hal Ehwal Ugama (Lama)
Bandar Seri BegawanBS 3510
Negara Brunei DarussalamPhone:(673) 2242565-72
(Ext - 106,107,115,158,163,164 (Off)
Fax:(673) 2223106

Cawangan Daerah:
Tutong:(673) 4221486
Fax: (673) 4221028
Temburong:(673) 5222034
Belait:673) 3334347
HOTLINE:(673)8769742

Prosedur Memohon Sijil Permit Impot Halal

Permohonan:

Surat permohonan kepada Setiausaha Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal.
Mengisikan borang latar belakang pusat penyembelihan di luar negara.
Menyertakan prospektus syarikat atau pusat penyembelihan di luar negara.

Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal

Jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat apabila menerima permohonan dan akan menimbangkan permohonan berdasarkan:

1. Jumlah daging yang diperlukan sahaja akan diimport ke Negara Brunei Darussalam dengan mengambil kira jumlah daging keluaran tempatan.
2. Daging hanya diimport dari negara-negara di mana binatang-binatangnya bebas dari penyakit-penyakit merbahaya dan berjangkit.
3. Pemohon hendaklah memiliki kemudahan-kemudahan penyimpanan yang bersih dan mencukupi.
4. Pengimport hendaklah orang yang beragama Islam.

Laporan Jawatankuasa Lembaga Kepada Majlis Ugama Islam Brunei(MUIB)

Jawatankuasa Lembaga akan melaporkan keputusan mesyuarat Lembaga ke MUIB. MUIB akan bersidang bagi mempertimbangkan permohonan tersebut. Jika MUIB bersetuju atas permohonan tersebut, Yang Dipertua MUIB akan mengarahkan Jawatankuasa Pemeriksa Pusat Penyembelihan Binatang untuk memeriksa pusat penyembelihan itu dengan segala perbelanjaan ditanggung oleh pemohon.

Pemeriksaan Jawatankuasa Pemeriksa Pusat Penyembelihan Binatang

Tujuan Pemeriksaan:
Jawatankuasa akan mempastikan perkara berikut;

1. Penyembelih hendaklah beragama Islam dan dibenarkan oleh undang-undang negara berkenaan untuk menyembelih binatang menurut Hukum Syarak.
2. Sekurang-kurangnya dua orang pekerja tetap beragama Islam dan akan sentiasa hadir semasa penyembelihan binatang, pembungkusan, pemunggahan dan pengangkutan binatang tersebut.
3. Keadaan binatang hendaklah dalam (*Hayat Mustaqirrah*) ketika disembelih.
4. Urat *Hulkum* dan *Mari'* mestilah dipotong menurut Hukum Syarak.
5. Mempastikan alat yang digunakan untuk menyembelih jenis pisau yang tajam dan bukan alat yang terdiri dari tulang, kuku dan gigi.
6. Penyembelih hendaklah melafazkan kalimat *'Basmalah'* semasa penyembelihan.
7. Penyembelihan mestilah dilakukan sekali sahaja dan alat yang digunakan jangan diangkat daripada leher binatang semasa proses penyembelihan.
8. Penyembelihan ayam tidak dibenarkan menggunakan *stunning*.
9. Mempastikan daging halal tidak bercampur dengan daging yang tidak halal dalam semua peringkat.
10. Bagi negara yang memperundang-undangkan penggunaan *stunning* perkara berikut hendaklah dipatuhi;
    - *Stunning* hanya mengakibatkan binatang pengsan untuk sementara waktu sahaja.
    - *Stunner* tidak menembusi atau memcahkan kepala binatang.
    - *Stunner* tidak mengakibatkan kerosakan otak kekal atau kematian atau kecacatan badan binatang.

Pegawai dan Pemerhati Dari Kementerian Hal Ehwal Ugama

Tujuan Pemerhatian:

1. Mempastikan penyembelihan dilakukan sebagaimana yang dikehendaki oleh Jawatankuasa Pemeriksa.
2. Jika didapati penyembelihan itu tidak halal, hendaklah daging itu ditanda dengan perkataan NH (Non Halal) atau NB (Non Brunei) dengan mengawasi mana daging itu dibawa.
3. Mempastikan daging halal tidak bercampur dengan non halal.
4. Menghantar daging yang telah disahkan ke pelabuhan dan mempastikan pemunggahan ke dalam kapal atau kontena.
5. Mengesahkan dan menandatangani stiker yang ditampal pada kotak atau bungkusan yang akan dihantar ke NBD.

Pengesahan Permit Import Dan Borang Approved Permit (AP)

1. Sebelum memasukkan daging ke NBD pemohon hendaklah mengisi borang permit dan borang AP jabatan Kastam untuk disahkan oleh Pegawai BKMH.
2. Daging yang tiba ke NBD akan diperiksa oleh pegawai-pegawai BKMH di Pos Kawalan masuk ke NBD.
3. Pegawai BKMH akan memastikan jumlah daging yang diimport sama dengan jumlah yang dipohonkan dalam permit.

Pemeriksaan Semasa Penjualan

1. Pegawai-pegawai BKMH akan sentiasa melakukan pemeriksaan semasa daging dijual di NBD.
2. Pemohon hendaklah sentiasa mempamerkan Permit Import, Sijil Halal dan Tanda Halal semasa penjualan daging tersebut di NBD.

Bahagian Kawalan Makanan Halal
Jabatan Hal Ehwal Syar'iah
Tkt 2, Jalan Elizabeth II
Kementerian Hal Ehwal Ugama (Lama)
Bandar Seri Begawan, BS 3510
Negara Brunei Darussalam
Phone: (673) 2242565-72 (Ext - 106,107,115,158,163,164 (Off)
Fax: (673) 2223106

LAMPIRAN 2

SENARAI PUSAT PENYEMBELIHAN LUAR NEGERI YANG TELAH DIBERIKAN PENGIKTIRAFAN HALAL OLEH MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI

AUSTRALIA

1. Kilcoy Pastrol Company Ltd Brisbane.
2. Meatpackers Pty Ltd Waikerie Adelaide.
3. Metro Meat International Ltd Katanning, Perth.
4. Metro Meat International Ltd Woorolo, Western Austarlia.
5. Harvey Beef, E.G. Green & Sons Ltd, Perth.
6. Agro Austarlia Ltd (SAMCOR), South Austarlia.
7. Tenarra, Darwin Austarlia.
8. Nolan Meat Pty Ltd, Gyampie, Brisbane.

MALAYSIA

1. Desa Hatchery Sdn Bhd, Kota Kinabalu, Sabah.
2. AYAMAS Food Sdn Bhd, Port Klang, Selangor.
3. Perak Duck Food Industries, Taiping Perak.
4. Dewina Food Sdn Bhd, Bangi, Selangor.
5. Dinding Poultry Processing Sdn Bhd, Perak
6. Sinmah Food Industries Sdn Bhd, Melaka.
7. Ayam Wira, Subang Jaya, Selangor.
8. Pertanian Pertiwi Sdn Bhd, Senawang Seremban, Negeri Sembilan.
9. Rastamas Group, Tawau, Sabah.
10. PG Lean Hwa Trading Sdn Bhd, Pulau Pinang.
11. Desa group of Companies & Desa Hatchery Sdn Bhd, km23, Jln Penampang, Lok Kawi, Industrial Estate, 88995, Kota Kinabalu, Sabah.
12. Rastamas group,wisma rastamas, Km 7 jalan apas, Tawau, Sabah.

INDONESIA

1. Pt jangkar nusantara megah, gresik, surabaya.

INDIA

1. Frigorifico Allana Ltd, Aurangabad Maharashtra, India.
2. Al Kabeer Exports Pvt Ltd, Andhra Pradesh, India.

SAUDI ARABIA

2. Al-Tabtain Tanning Tlaughterhouse, Garia, North of Al Alyia Governorate, Saudi Arabia.

RUJUKAN

Al-*Qur'an* al-Karim.

Abu Daud. Sulaiman bin al-Ash'ath (al-Imam). (t.t). *Sunan Abi Dawud*. Riyadh: Bayit al-Afkar al-Dauliyah.

Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah (al-Imam) (1998), *al-Jami' al-Sahih*, Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Tirmizi. Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa (al-Imam). *Sunan al-Tirmizi*. T.Th. Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyah.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin Kathir. 1996. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Kaherah: Dar al-Sya'b.

Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini (al-Imam). T.Th. *Sunan Ibn Majah*. Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.

Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Naysaburi (al-Imam). 2006. *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar Tibah.

Tantawi, Syed Muhammad (Prof Dr). 1997. *Tafsir al-Wasit*, Kaherah: dar Nahdhah li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.

www.daganghalal.com/halalinfo.

www.religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=bm_about_div&pg=bm_div_heubelait&ac=937

www.religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=bm_about_div&pg=bm_div_syariah&ac=1619

www.brunei-halal.com